

03/12/1997

Tiga MoU dimeterai pada hari pertama

TIGA perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani di hari pertama Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 97) yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mendahului majlis menandatangani perjanjian adalah antara Penerbangan Malaysia (MAS) dan Boeing Company diikuti perjanjian antara Aviation Blades Services Inc (ABS) dari Amerika Syarikat dengan Plus and Plus Technologies Sdn Bhd (PPT) dan Dectra Information Technology Sdn Bhd (Dectra) dengan Mancon Pty Ltd.

Penerbangan Malaysia mengukuhkan kedudukannya dalam industri penerbangan serantau berikutan perjanjian yang ditandatangani dengan Boeing Company (Boeing) untuk pembelian sebuah Boeing Business Jet (BBJ).

Pembelian itu sekaligus menjadikan MAS pelanggan BBJ pertama di rantau Asia.

Menandatangani perjanjian itu bagi pihak MAS adalah pengarah urusannya, Datuk Wan Malek Ibrahim sementara BBJ diwakili presidennya, Borge Boeskov.

Sementara itu, perjanjian ABS dan PPT adalah untuk menubuhkan syarikat usaha sama membangunkan perkhidmatan sokongan dan membaik pulih kipas helikopter dengan Malaysia sebagai pusat untuk rantau Asia Pasifik.

ABS diwakili presidennya, David Stutesman manakala PPT diwakili pengurusinya, Khalid Emran Yusoff.

Perjanjian antara Dectra, sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) tempatan dengan Mincom dari Australia pula untuk usaha sama membangunkan perisian menguruskan logistik berkeupaan tinggi untuk organisasi komersil besar dan sektor pertahanan angkatan tentera.

Dectra diwakili Pengarah Eksekutifnya, Mej Jen (B) Datuk Ahmad Ibrahim sementara Mincom diwakili pengarah perniagaan pertahanannya, Desmond P Scherman menandatangani perjanjian itu.

(END)